

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

SOALAN

DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perancangan dan peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk membina infrastruktur sokongan sebagai pemangkin kemajuan daerah Kuala Nerus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah melaksanakan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung (LJK) Fasa 10 di Semenanjung Malaysia bermula 27 Disember 2019 bagi tempoh 22 bulan, sehingga 17 November 2021. Pemasangan LJK di Parlimen Kuala Nerus dalam projek Fasa 10 ini adalah sebanyak 1,684 unit, dengan pecahan 1,421 unit lampu dari jenis *high pressure sodium vapour* (HPSV) dan 263 unit lampu jenis *light emitting diode* (LED), melibatkan peruntukan sebanyak RM1.50 juta. Kesemua LJK ini telah siap pemasangan sepenuhnya pada Oktober 2021.

Selain itu, sejumlah RM134 ribu telah diperuntukkan bagi tujuan pelaksanaan empat (4) projek Program Ameniti Sosial (PAMS) di Daerah Kuala Nerus bagi tahun 2021. Setakat 30 September 2021, satu (1) projek telah siap dan tiga (3) lagi sedang di peringkat pelaksanaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN
AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

SOALAN

DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jangkaan kutipan cukai daripada rokok dan vape selepas penubuhan suruhanjaya bagi membasmi aktiviti penyeludupan produk tersebut di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tiada suruhanjaya yang ditubuhkan bagi membasmi aktiviti penyeludupan rokok dan vape. Namun sebagai salah satu usaha membanteras aktiviti penyeludupan yang menyebabkan ketirisan hasil, Kementerian Kewangan telah menubuhkan sebuah *Multi-Agency Task Force* (MATF) pada tahun 2018 yang dianggotai oleh pelbagai agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

MATF berfungsi sebagai platform kolaborasi antara Kerajaan dan industri dalam menangani isu penyeludupan dan pengedaran produk rokok dan minuman keras tidak sah. Platform ini juga membolehkan agensi terlibat mengenal pasti kelemahan dalam mana-mana perundangan dan aktiviti penguatkuasaan sedia ada seterusnya membolehkan langkah penguatkuasaan yang lebih berkesan dapat

dilaksanakan bagi mengurangkan ketirisan hasil disebabkan aktiviti penyeludupan rokok dan minuman keras tidak sah di pasaran.

Kementerian Kewangan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia turut memperkasakan aktiviti penguatkuasaan dan mencegah ketirisan hasil melalui pelbagai operasi khas dan operasi outlet, aktiviti serbuan premis, rondaan darat dan air, sekatan jalan raya serta pemeriksaan kapal dan kenderaan.

Melalui Belanjawan 2021, Kerajaan juga telah mengumumkan langkah membanteras penyeludupan rokok tidak sah seperti membekukan pengeluaran lesen import rokok baharu, memperketat pembaharuan lesen import rokok melalui semakan semula syarat lesen, mengehendkan aktiviti *transshipment* rokok melalui pelabuhan tertentu sahaja dan mengenakan cukai ke atas rokok dan produk tembakau di semua Pulau Bebas Cukai bagi mengekang penyalahgunaan.

Dengan kerjasama pelbagai agensi di bawah platform MATF dan langkah kawalan serta penguatkuasaan yang dipertingkatkan, Kerajaan mensasarkan kutipan hasil cukai tambahan sekurang-kurangnya 1 bilion ringgit setiap tahun.

Sekian, terima kasih.